

**Interpretasi karya berunsur spiritual dalam kalangan pelukis kontemporari**  
**Malaysia: Husin Hourmain**

**ABSTRAK**

Sesebuah karya seni catan yang menerapkan nilai spiritual dalam karya tidak dapat ditafsir secara langsung tanpa pendekatan yang sesuai. Hal ini demikian kerana unsur spiritual melibatkan sisi dalaman manusia dan tidak dapat dilihat menggunakan mata kasar. Perkara ini membangkitkan isu yang lahir daripada dua hal yang berbeza iaitu karya seni catan yang bergantung sepenuhnya pada deria tampak dan unsur spiritual yang hanya dapat dirasa tetapi tidak dapat dilihat. Oleh itu, penulisan ini dihasilkan bagi menjelaskan tentang metodologi untuk mentafsirkan sesebuah karya seni catan spiritual terutamanya pada karya-karya yang bersifat kontemporari. Aliran kontemporari pada dasarnya telah berkembang jauh daripada bentuk seni catan tradisional. Natijahnya, pengkarya mengaplikasikan pelbagai lambang-lambang baharu sebagai perwakilan kepada aspek spiritualiti khususnya pelukis kontemporari Malaysia kerana masyarakat majmuk di Malaysia memiliki spiritualiti yang sangat utuh. Karya catan terpilih akan dianalisis menggunakan gabungan dua teori asas iaitu teori kesatuan organik dan teori semiotik oleh Charles S. Pierce. Teori kesatuan organik melibatkan tiga tahap iaitu subjek, bentuk dan makna manakala teori semiotik Charles S. Pierce menggunakan tiga pecahan iaitu ikon, simbol dan indeks. Bentuk yang mewakili perlambangan dalam sesebuah karya akan dianalisis mengikut pecahan tersebut. Penulisan ini akan memberikan rasional terhadap penggunaan imej yang mewakili unsur spiritual dalam sesebuah karya. Penerangan tentang imej atau lambang-lambang yang lahir daripada kupasan ini dapat diaplikasikan oleh pelukis-pelukis baharu bagi menghasilkan karya-karya yang berunsur spiritual.